

Ahli Umno tidak harus gentar lahirkan idea

Oleh Jamhariah Jaafar

BH 24 JUL 2000

HANYA manusia yang berani, lantang dan tidak gentar melahirkan idea mampu memecah tembok tradisi yang seringkali mengekang aliran yang sepatutnya berubah mengikut musim dan suasana.

Bagaimanapun, kelantangan terutama dalam mendesak perubahan, sering mengundang kontroversi. Mereka yang menyuarakan pandangan seperti itu tidak akan menjadi popular di kalangan pendukung dalam sesuatu sistem.

Justeru, walaupun isu pemansuhan tiga jawatan Naib Presiden Umno cadangan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, ia dilegakan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjanji tidak akan membuat sebarang perubahan dalam sistem hierarki Umno itu.

Perubahan dan sebarang usaha untuk memperbaiki sistem pentadbiran Umno bukanlah sesuatu yang luar biasa. Beberapa idea yang dikemukakan sebelum ini terutama untuk mengekang politik wang diterima pakai semua peringkat ahlinya. Daripada sistem undi bonus kepada sistem peratusan yang digunakan sekarang adalah sebahagian daripada cetusan idea untuk memastikan Umno terus unggul.

Namun cadangan terbaru yang dilahirkan Rafidah ini menerima tentangan hebat bukan saja daripada penyandang jawatannya, malah kebanyakannya pemimpin parti lain.

Rafidah ketika diminta menjelaskan alasan beliau menyuarakan idea yang dianggap 'taboo' dan boleh menjejaskan kedudukannya di mata pemimpin pelapis ketiga parti, menegaskan ia hanya satu idea yang tidak perlu diperdebatkan.

"Saya hanya bercakap mengenai idea saya kerana saya berhak untuk bercakap sebagai ahli kepada sebuah parti yang demokratik. Saya sudah melakukan *homework* dan hanya mencari tempat yang sesuai

✓ **Kita bimbang jika wujud keadaan yang mana pemimpin Melayu yang kita ingat akan berjuang untuk bangsa, agama dan negara tetapi sebenarnya kesetiiaannya diberi kepada orang lain**

✓ **Cadangan pemansuhan Naib Presiden bagi saya adalah untuk menarik lebih ramai anak muda. Saya cuma melempar idea kerana mungkin pada masa depan ada orang yang berfikir seperti saya**

— RAFIDAH AZIZ

untuk meluahkannya.

"Peluang itu datang apabila saya hadir pada majlis Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan bertanya mengenai sistem hierarki DPMM yang sama dengan sistem Umno," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyangka ideanya dianggap melampau dan luar biasa.

"Jika Dr Mahathir pernah membayangkan orang bukan Melayu boleh menjadi Perdana Menteri, saya lebih takut jika ada Melayu yang menjadi Perdana Menteri pada masa akan datang tetapi dikuasai orang lain. Kita bimbang jika wujud keadaan yang mana pemimpin Melayu yang kita ingat akan berjuang untuk bangsa, agama dan negara tetapi sebenarnya kesetiiaannya diberi kepada orang lain.

"Jadi, apa yang saya utarakan ialah mungkin satu hari nanti kedudukan hierarki boleh dirobahkan oleh orang yang cukup berani untuk memecahkan tembok untuk jawatan dalam parti atau kerajaan, yang selama ini sedikit sebanyak ada menimbun keadaan yang tidak menyenangkan," katanya.

Apa yang berlaku dalam Umno kata Rafidah, persaingan merebut jawatan terutama peringkat naib presiden tidak begitu ketara 10 tahun

lalu kerana pemimpin tertinggi masih muda dan pemimpin pelapis melihat laluan mereka ke puncak masih jauh.

"Tetapi keadaan berubah sekarang. Apabila ada kekosongan, perebutan jawatan menjadi semakin serius terutama bagi jawatan naib presiden dan secara tidak langsung ia menjejaskan disiplin dan perpaduan parti," katanya.

Rafidah mengingatkan semua pihak bahawa pemilihan untuk dua jawatan tertinggi Umno turut membabitkan pengiktirafan semua lapisan rakyat.

Dalam sejarah Umno hanya dua Naib Presiden yang dilonjakkan sehingga ke jawatan tertinggi parti iaitu Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir, manakala daripada 24 naib presiden setakat ini hanya enam mara ke jawatan Timbalan Presiden iaitu - Hussein, Dr Mahathir, Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Justeru, Rafidah berpendapat mungkin satu hari nanti Umno tidak memerlukan lapisan ketiga yang ada sekarang, sebaliknya Presiden parti mempunyai pilihan lebih luas sekiranya ia dibuka kepada semua 30 ahli Majlis Tertinggi (MT) yang ada.

“Lihat apa yang berlaku ketika usaha untuk melantik Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini, Perdana Menteri mengambil masa begitu lama untuk membuat keputusan akibat persaingan yang wujud... saya yakin Perdana Menteri berasa tertekan.

“Jadi pada saya, keadaan seperti ini akan menjadi tekanan kepada pemimpin akan datang. Tetapi jika beliau mempunyai 30 orang untuk dipilih, jadi semua orang akan bersiap sedia dan setiap orang akan menghasilkan prestasi terbaik.

“Dengan kedudukan seumpama itu, 30 ahli MT mempunyai peluang yang sama. Adalah agak mustahil politik wang akan berlaku kerana keputusan muktamad terletak di tangan Presiden,” jelasnya.

Rafidah bagaimanapun mengaku sistem hierarki sekarang tidak mempunyai kelemahan, kecuali ia mengundang terlalu banyak kejadian politik wang berikutan semakin ramai

pemimpin berusaha untuk merebut hanya tiga kerusi yang ada.

Kerana itu, katanya, beliau cuma ingin semua pihak supaya berfikir sejenak untuk pilihan masa depan kerana Umno perlu berubah mengikut zaman dan mungkin akan tiba masanya generasi muda mengetepikan semua hierarki bagi memastikan survival parti terunggul Melayu ini.

Suasana yang berlaku sekarang, katanya, menyaksikan ramai golongan muda takut untuk menyertai Umno kerana wujud pertarungan merebut jawatan yang begitu sengit pada setiap kali pemilihan diadakan.

“Cadangan ini bagi saya adalah untuk menarik lebih ramai anak muda. Saya cuma melempar idea kerana mungkin pada masa depan ada orang yang berfikir seperti saya. Dulu kita hanya perlu dua undi

LIHAT MUKA 24

Idea Rafidah cuba

DARI MUKA 23

untuk bertanding dan sekarang guna peratusan pula, tetapi tidak ada siapa yang bercakap cadangan seumpama adalah luar biasa.

“Jadi apa salahnya jika ada cadangan seperti ini kerana ia juga adalah untuk kepentingan generasi akan datang... mungkin akan tiba masanya generasi akan datang tidak kisah dengan kedudukan hierarki Umno kerana mereka hanya mahukan pemimpin tertentu. Ketika itu mungkin cukup dengan kita mempunyai hanya Presiden dan Timbalan Pre-

siden dan tidak lagi Naib-Naib Presiden. Urusan pentadbiran akan berjalan seperti biasa. Manakala yang lain adalah sama di mata semua ahli Umno.

“Ketika itu mungkin tanpa sebarang tekanan dan bebanan tradisi, tanpa perlu memikir siapa mendapat undi tertinggi atau terendah, Presiden boleh memilih siapa saja yang difikirkan layak sebagai penggantinya.

“Kita bercakap mengenai pemimpin tertinggi masa depan, kita

tidak mahu berhadapan dengan keadaan yang mana apabila terpaksa mengikut hierarki kita membuat pemilihan yang silap,” katanya.

Cetusan idea Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu, turut menerima reaksi menarik apabila beberapa ahli Umno lain mengemukakan cadangan masing-masing. Bertentangan dengan Rafidah, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, sebaliknya mencadangkan supaya kerusi Naib Presiden ditambah dua lagi men-

ubah minda ahli Umno

jadi lima, manakala Ghafar yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri, sekali lagi mencadangkan supaya jawatan Timbalan Presiden dimansuhkan.

Dr Mahathir ketika memastikan semua isu berkenaan menegaskan, Umno tidak bercadang memansuhkan semua jawatan terbabit dalam pucuk pimpinan parti kerana apa yang ada sekarang dirasakan terbaik pada masa ini dan pemansuhan jawatan tidak akan membawa banyak perbezaan selagi ada orang di dalam

parti yang berperasaan tamak untuk memegang jawatan.

“Saya percaya, selagi ada perasaan tamak di kalangan sesetengah orang yang hanya hendak pegang jawatan semata-mata bukan kerana mereka boleh menyumbang sesuatu, maka perebutan akan berlaku. Kita akan cari jalan tengah, kita kekal seperti kita sekarang, tak payah tambah dan tak payah kuranglah,” katanya.

Bagaimanapun bagi Rafidah, ini adalah antara usahanya untuk mengubah minda ahli Umno supaya

tidak terlalu bergantung kepada tradisi sebaliknya lebih berani membuat perubahan yang sesuai dengan keperluan masa.

“Saya cuma meluahkan apa yang saya fikirkan. Ini adalah cadangan saya dan ia tidak perlu diperdebatkan. Idea ini jika jitu akan tersebar dengan sendirinya dan nasihat saya kepada ahli Umno ialah supaya kita tidak terus statik, sebaiknya mesti berani meluahkan pandangan dan idea demi kepentingan survival parti dan bangsa Melayu,” katanya.